

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Kadar inflasi Malaysia turun kepada 4 peratus

Kadar inflasi Malaysia turun kepada 4 peratus

KUALA LUMPUR - Kadar inflasi Malaysia pada Oktober 2022 turun kepada 4.0 peratus berbanding dengan 4.5 peratus yang direkodkan pada September 2022, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagaimanapun, kadar itu masih lagi melepasi purata inflasi negara bagi tempoh Januari 2011 hingga Oktober 2022 iaitu pada 2.0 peratus.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Oktober 2022 meningkat 4.0 peratus kepada 128.6 berbanding 123.7 pada bulan sama tahun sebelumnya.

Beliau berkata, bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia pada Oktober 2022 adalah lebih rendah berbanding inflasi di Filipina (7.7 peratus), Thailand (6 peratus), Indonesia (5.7 peratus) dan Korea Selatan (5.7 peratus). - *Bernama*